

Headline	CCM sumbang 404,000 kit kesihatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	825,000
Page No	64	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	66 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,477
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,431



CCM sumbang 404,000 kit kesihatan

Kesihatan Kesihatan: Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) terus menghulur sumbangan pelbagai produk penjagaan kesihatan peribadi bernilai RM518,000 menerusi program Sahabat Korporat Tabung Haji tahun ini.

Pengarah Bahagian Farmaseutikal CCM berkata, ini adalah tahun ke-11 pihaknya menyertai program Sahabat Korporat Tabung Haji yang dijangka memberi manfaat kepada 22,320 jemaah apabila mereka berlepas ke tanah suci untuk mengerjakan haji mulai 27 Ogos 2014.

"Syarikat berharap sumbangan kecil daripada CCM ini akan membantu jemaah mengurangkan risiko jangkitan dan menguruskan penyakit biasa, supaya mereka akan sentiasa berada dalam keadaan cukup sihat untuk mengerjakan ibadah haji masing-masing.

"Setakat ini, CCM telah menyumbangkan lebih kurang 404,000 kit kesihatan bernilai lebih RM8 juta," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, kit kesihatan berkenaan mengandungi produk yang disahkan halal daripada CCM Pharmaceuticals.